

18 DEC 1996

AIROD METERAI PERJANJIAN DENGAN SHINMAYWA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Airod Sdn Bhd hari ini menandatangani satu perjanjian dengan ShinMaywa Industries Ltd dari Jepun untuk bekerjasama dalam pembuatan dan pemasangan alat ganti dan komponen untuk Boeing 777, McDonnell Douglas MD 11 dan jet eksekutif Grumman Gulfstream.

Di bawah perjanjian yang dimeterai di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, ShinMaywa akan membantu melatih kakitangan Airod, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Airod pada upacara itu.

Latihan yang ditawarkan itu termasuk untuk pemesinan alat logam, pemasangan kepingan logam, dan pembuatan dan pelaminan alat ganti dan komponen menggunakan bahan komposit.

ShinMaywa juga akan bertanggungjawab untuk kawalan mutu, tatacara pensijilan, penetapan kos dan jumlah keluaran akhir.

Untuk penerokaan itu, Airod akan menyusun semula sumber tenaga utamanya dan melabur dalam bangunan dan kelengkapan yang dianggarkan AS\$50 juta (RM125 juta) dalam tempoh dua hingga tiga tahun ini, tambah kenyataan itu.

Airod, sebuah syarikat membaik pulih kapal terbang, kini dikuasai oleh kumpulan PJS Industries dan ShinMaywa, salah satu vendor utama syarikat Boeing, juga terlibat dalam penyenggaraan pesawat. -- BERNAMA

JR SIA